

Tun M diajak bantu bina semula negara

BH - 3/5/2020 m/s: 4

Kuala Lumpur: “Saya mengajak Tun (Tun Dr Mahathir Mohamad) sama-sama bantu Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai ‘kawan-kawan’ untuk membina semula negara sebab kita sedang dilanda COVID-19. Nampak Tun positif dengan nasihat itu”.

Itu kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof sambil mengesahkan bertemu Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP), di Putrajaya, kira-kira jam 9 pagi kelmarin.

Ahli Parlimen Alor Gajah, Melaka itu berkata, pertemuan berkenaan berlangsung kira-kira 45 minit.

Mohd Redzuan berkata, walaupun sedang menjalani tempoh

kuarantin, beliau mendapatkan kelulusan khas daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk berjumpa Dr Mahathir.

Beliau turut menafikan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri itu ada kaitan dengan dakwaan kononnya beliau akan menarik diri daripada menyokong Perikatan Nasional (PN).

“Ya memang betul saya berjumpa Tun. Saya jumpa di YKP lebih kurang jam 9 pagi. Saya boleh berjumpa selepas mendapat pelepasan daripada MKN, sebab saya negatif (COVID-19).

“Pertemuan itu perjumpaan biasa, ziarah sempena Aidilfitri. Kita kawan baik, kawan lama, tidak ada bincang soal politik.

“Pertemuan itu juga bukan seperti dilaporkan media yang saya

akan tinggalkan PN. Itu tidak betul. Itu semua fitnah orang yang ada kepentingan, yang nak burukkan saya,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Pengesahan Mohd Redzuan itu sekali gus menolak spekulasi kononnya beliau akan menyertai kem Dr Mahathir dan meninggalkan PN.

Kelmarin, pejabat Mohd Redzuan menafikan beliau akan mengadakan sidang media khas atas alasan masih menjalani tempoh kuarantin.

Mohd Redzuan menjalani proses kuarantin selepas menghadiri mesyuarat bersama Muhyiddin yang turut disertai seorang pegawai dipercayai positif COVID-19, minggu lalu.

Selain Mohd Redzuan, bebera-

pa pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dilihat menemui Dr Mahathir di Petaling Jaya, kelmarin.

Antaranya, bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh dan Dr Maszlee Malik (bekas Menteri Pendidikan).

Mengulas lanjut, Mohd Redzuan berkata, beliau tetap fokus dan akan bersama-sama Muhyiddin memastikan negara berjaya keluar daripada krisis ketika ini serta membina semula ekonomi yang terjejas akibat COVID-19.

“Perdana Menteri sudah menjalankan kerja baik dan sedang berusaha memperbaiki ekonomi negara,” katanya.